

TEKS DOA BOOTCAMP PERFORMANCE TEST

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ.

Ya Allah,

Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, kami sekalian hamba-Mu yang berhimpun pada hari ini, sempena **BOOTCAMP PENGUJIAN PRESTASI SISTEM APLIKASI** memohon rahmat dan hidayah-Mu semoga diberikan cahaya petunjuk kepada hati kami, Engkau perkukuhkan perpaduan kami, Engkau berkatilah usaha kami dalam menjana pembangunan dan kemajuan negara kami ke arah yang lebih cemerlang.

Allahumma Ya `Aalim wa Ya QadhalHajat,

Jadikanlah kami daripada kalangan hamba-hambaMu yang taat dan bersyukur. Jauhkanlah kami Ya Allah, daripada melanggari perintahMu. Kurniakanlah kepada kami kesihatan yang berpanjangan, kesejahteraan yang sempurna, fikiran yang waras, minda yang cergas, rezeki yang halal, zuriat dan generasi yang beriman serta kurniakanlah kepada kami segala kebaikan di dunia dan juga di akhirat.

اللَّهُمَّ يَا مُهِيمِنٌ يَا رَقِيبٌ يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

اللَّهُمَّ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ

Tanamkanlah sifat-sifat terpuji, dalam diri kami, agar budaya kerja berkualiti dan berintegriti menjadi amalan kami. Engkau sematkanlah ke dalam diri kami ya Allah, rasa tanggungjawab dalam melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan kepada kami.

Ya Allah Ya Tuhan kami, jadikanlah pertemuan ini sebagai pertemuan yang diRahmati, dan jadikanlah perpisahan kami selepas ini sebagai perpisahan yang diBerkati.

{رَبَّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ}
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ
رَبِّ الْعَالَمِينَ.